

# 2015

# LAPORAN TAHUNAN

JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA NEGERI PULAU PINANG



# Jabatan Perancang Bandar & Desa

Negeri Pulau Pinang




*Y.A.B Tuan Lim Guan Eng (Ketua Menteri Pulau Pinang)*
*berserta Setiausaha Jawatankuasa Perancang Negeri, Dato' Haji Anuar Bin Maidin*
*bergambar bersama dengan Ahli Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN)*

# 2015 ISI KANDUNGAN


1. **PENDAHULUAN** Muka Surat i-2
   - Editorial
   - Isi Kandungan
   - Sekapur Sireh
2. **STRATEGI KORPORAT** Muka Surat 3-10
   - Misi · Visi · Moto · Objektif
   - Piagam Pelanggan · Pelan Strategik JPBD
   - Teras Strategik Jabatan · Budaya Kerja
   - Dasar Kerajaan Negeri Pulau Pinang
3. **STRUKTUR ORGANISASI JABATAN** Muka Surat 11-18
   - Fungsi Jabatan · Struktur Organisasi Utama
   - Perjawatan · Struktur Organisasi Bahagian-Bahagian
   - Bahagian Kawalan Pembangunan & ICT · Bahagian Korporat & Lembaga Rayuan
   - Bahagian Rancangan Pembangunan & Projek Khas · Bahagian Pengurusan & Pentadbiran
4. **PENGURUSAN KEWANGAN DAN SUMBER MANUSIA** Muka Surat 19-27
   - Prestasi Kewangan · Pengurusan Sumber Manusia
   - Pengurusan Latihan Dan Peperiksaan
   - Persaraan Dan Pertukaran · Penganugerahan
5. **PENCAPAIAN JABATAN** Muka Surat 29-75
   - Perancangan Korporat Jabatan
   - Pengurusan Lembaga Rayuan Negeri Pulau Pinang
   - Penyediaan Dan Pemantauan Rancangan Pemajuan
   - Kawalan Dan Khidmat Nasihat Perancangan
   - Sistem Maklumat Guna Tanah Negeri dan ICT
   - MURNInets
6. **AKTIVITI-AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2015** Muka Surat 76-98
   - Sambutan Hari Landskap Negara · Seminar Pertandingan Landskap
   - Lawatan Kerja Ahli-ahli Jawatankuasa · Landskap Negeri Pulau Pinang
   - Lawatan Ke Pulau Aman Dan Pulau Gedung · Ekspedisi Menawan Puncak Gunung Kinabalu, Sabah
   - Lawatan Kerja Ke Singapura · Lawatan Kerja Ke Perth, Australia
   - Sambutan Hari Kemerdekaan Ke 58 · Perarakan Maulidur Rasul 1436H/2015M
   - Perarakan Maulidur Rasul 1437H/2015M · Perhimpunan Jabatan
   - Program "Delighting Customer" - Pengindahan · SUKNA, Melaka
   - Rumah Terbuka Aidilfitri 2015

# EDITORIAL

Penasihat
DATO' HAJI MOHD ANUAR BIN MAIDIN

Pengarang
CIK NINA IZURIN BINTI YAHYA
ENCIK BASRI BIN BASIR

Editor
PUAN RAKIAH BINTI LAIDIN

Pereka Grafik
ENCIK MUHD ROSLAN BIN MD SIDEK

Bahan Dan Foto
ENCIK FARID BIN HASHIM
ENCIK MOHD ZAKI BIN MOHD NOR
PUAN SRI RANJINI A/P AWALI
ENCIK MOHD ANUAR BIN RAWI
ENCIK MOHD FARIS BIN AHMAD NAHAR
PUAN NOR AMALINA BINTI AUZIR
ENCIK MOHD GHAZALI BIN ABDUL RASIT
ENCIK AZWARI BIN ISMAIL
ENCIK SHUKOR BIN MOHD ALI
PUAN NORHIDAYAH BINTI ILYAS
ENCIK MOHD KHAIRI BIN MAT YASIN

# SEKAPUR SIREH

Syukur Alhamdulillah, Laporan Tahunan Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang tahun 2015 telah berjaya disiapkan dengan sempurnanya, memaparkan semua aktiviti dalaman dan luaran jabatan seiring dengan matlamat dan wawasan jabatan sepanjang tahun 2015.

Saya mula bertugas sebagai Pengarah baru di JPBD Pulau Pinang berkuatkuasa mulai 27 April 2015. Akur dengan amanah, cabaran dan bebanan tugasan yang tinggi di Negeri Pulau Pinang telah menyuntik kekuatan kepada diri saya untuk menyumbang bakti dengan lebih cemerlang kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang di mana skop, peranan dan cabaran profesion Perancangan Bandar dan Desa kini diperluaskan ketahap maksimum.





*Pencapaian rekod Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) sebanyak 15 kali mesyuarat dalam setahun, memberi isyarat yang jelas tentang pembangunan semasa di mana hala tuju pembangunan guna tanah di Negeri Pulau Pinang perlu dikemaskini mengikut perancangan yang teratur untuk memenuhi pelbagai permintaan dan tuntutan 'stakeholder' berikutan Rancangan Tempatan yang belum lagi dapat diwartakan.*

*Perisytiharan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) sebagai Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) berkuatkuasa mulai 1 Januari 2015, juga telah memberi impak yang positif dalam konteks pembangunan di mana beberapa matlamat perancangan pembangunan dapat dilaksanakan dengan lebih teratur bagi membantu Kerajaan Negeri dalam menangani isu-isu semasa berhubung perancangan dan pembangunan antaranya seperti pembangunan SOHO, perumahan mampu milik, dasar penggunaan kuota dan pembelian kuota RKR, RKSR, RMM, pemutihan kilang-kilang bermasalah (tanpa kebenaran), menangani isu tenaga kerja warga asing (pembinaan asrama), penubuhan Akaun Amanah Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) dan penggubalan kaedah-kaedah Lembaga Rayuan (Pulau Pinang) 2015.*

*Persidangan World Heritage Commitee (UNESCO) di Borne, German dari 8 Jun - 8 Julai 2015 turut mengekalkan penyenaraian George Town sebagai Bandar Warisan Dunia. Namun cabarannya di tahun mendatang akan lebih mencabar. Peraturan-Peraturan Warisan perlu disiapkan dan diwartakan segera bersekali dengan Rancangan Kawasan Khas (RKK) George Town, Bandar Warisan Dunia dan dijangkakan akan berkuatkuasa pada pertengahan tahun 2016.*

*Lawatan kerja Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke Perth, Australia pada 5 - 9 Oktober 2015 bersama MIP Cawangan Utara juga memberikan peluang kepada delegasi untuk mempelajari pengalaman Bandar Perth sebagai 'livable city' yang mengintegrasikan aspek kesejahteraan manusia dan alam sekitar. Selain melihat sistem perancangan dan pelaksaaan projek revilitasi bandar, fokus juga ditumpukan kepada pelaksanaan konsep perumahan mampu milik.*

*Selain usaha - usaha mempercepatkan penyediaan dokumen Kajian Semula Rancangan Struktur Negeri, Kerajaan Negeri dengan kerjasama JPBD Negeri pada dasarnya juga bersetuju Draf Rancangan Tempatan bagi ketiga-tiga daerah di Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan akan dibuat semakan semula untuk disediakan dalam satu Rancangan Tempatan sahaja. Secara tidak langsung ianya bertujuan menyerapkan dasar-dasar terkini Kerajaan*



"Perisytiharan Bandaraya George Town sebagai Bandar Warisan Dunia UNESCO kini telah membuka perhatian antarabangsa dan disenaraikan sebagai bandar keempat terbaik dunia untuk dikunjungi dan juga sebagai destinasi yang memiliki pelbagai komuniti paling berseni dan berdaya cipta di Asia.

Pulau Pinang juga bakal menjadi negeri yang pertama di negara ini yang menubuhkan **Urban Renewal Commitee (URC)** untuk menangani program pembangunan semula bandar terutama kawasan-kawasan yang sesak dan usang ke arah pembangunan bandar secara tersusun lagi holistik di mana JPBD Pulau Pinang dengan kerjasama Bahagian Perumahan Negeri (PSUK) telah dipertanggungjawabkan selaku urusetia bersama".

*Negeri seperti pembangunan Bandar Eco City di Batu Kawan dan Kajian Semula Penang Transport Master Plan.*

*JPBD Pulau Pinang juga memainkan peranan penting sebagai urusetia kepada Jawatankuasa Landskap Negeri. Aktiviti penanaman pokok merupakan aktiviti wajib tahunan Kerajaan Negeri sejak dari tahun 2008 lagi di mana sebanyak 271,028 anak-anak pokok yang telah berjaya ditanam secara berperingkat sepanjang tahun 2008 - 2015. Sementara di tahun 2015, sebanyak 27,178 anak pokok telah berjaya ditanam di keseluruhan Negeri Pulau Pinang melibatkan usahasama pelbagai agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan.*

*Semangat kerja berpasukan dan budaya kerja cemerlang di kalangan pegawai juga tidak mengenepikan kepentingan hal kekeluargaan. Selain daripada perhimpunan bulanan, jabatan telah berjaya melaksanakan beberapa program sosial dan kebajikan. Antaranya ialah Sambutan Hari Keluarga, Majlis Jamuan Hari Raya, Perarakan Sambutan Maulidur Rasul, Perbarisan Sambutan Hari Kemerdekaan, Majlis Gotong Royong, kutipan derma bagi membantu anggota-anggota yang bermasalah dari segi kesihatan, kematian dan sebagainya.*

*Di bawah anjuran kelab JPBD Negeri Pulau Pinang, program aktiviti lasak telah dicetuskan atas dasar untuk melahirkan pekerja yang sihat lagi berwawasan bagi menggalas misi dan visi Jabatan. Aktiviti lasak yang diperkenalkan ini mampu melahirkan modal insan yang kuat jati diri dan boleh mengeratkan semangat kerja berpasukan di kalangan kakitangan JPBD. Usaha ini mendapat sambutan yang amat memberangsangkan di mana seramai 10 orang kakitangan jabatan telah mendaftar dan berminat untuk menyertai Ekpedisi Menawan Puncak Gunung Kinabalu pada 5 – 6 Mac 2015.*

*Saya berharap ahli-ahli kelab JPBD Pulau Pinang dapat meneruskan aktiviti-aktiviti lain yang boleh mencabar di tahun-tahun akan datang.*

*Akhir kata, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua Warga JPBD Pulau Pinang atas usaha yang berterusan sepanjang tahun 2015 dan berjaya menghasilkan pencapaian yang sangat teruja.*

*Sekian, Terima Kasih.*

# PENDAHULUAN



JPBD Pulau Pinang telah ditubuhkan pada tahun 1959, iaitu negeri keempat selepas Perak, Johor dan Selangor. Antara peranan utama ketika itu adalah untuk melaksanakan tugas-tugas utama Perancangan Bandar termasuk aspek kawalan susunatur dan perancangan bandar melalui penyediaan pelan induk jangka panjang.

Dinamakan sebagai Pejabat Perancang Bandar Wilayah Utara dengan pejabat pertama di Fort Cornwallis, Georgetown. Pada 5 Mei 1962 - dinamakan sebagai 'Pejabat Perancang Negeri' dan mula beroperasi/berpindah dengan pejabat operasi yang lebih besar di bangunan Tunku Syed Putra, Lebuh Downing pada 5 Mei 1962.





Semenjak tahun 1957, sistem perkhidmatan perancangan bandar telah dijalankan berdasarkan Sistem Dua Peringkat iaitu 'Persekutuan' dan 'Negeri' dibawah senarai bersama Perlembagaan Persekutuan. Ini bertujuan untuk mempercepatkan dan melicinkan pembangunan Negara dengan lebih teratur, di mana tugas pengawalan pembangunan disalurkan ke peringkat negeri, manakala pembentukan dasar dan polisi adalah di peringkat persekutuan (Ibu Pejabat).

Tugas jabatan secara menyeluruh bermula pada Jun 1982, apabila negeri ini menerimapakai Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) yang memberi kuasa kawalan dan perancangan melalui Jawatankuasa Perancang Negeri, Kawalan Pembangunan serta penyediaan Rancangan Pemajuan sebagai instrumen kawalan perancangan.

Kini, Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang telah berpindah ke bangunan Komplek Tun Abdul Razak (KOMTAR) semenjak 1984 sehingga sekarang.

2

# STRATEGIK KORPORAT



## Objektif

- *Untuk mengukuhkan sistem pembangunan fizikal, sosial dan ekonomi di kawasan bandar dan desa bagi meningkatkan taraf kehidupan selaras dengan matlamat negeri dan negara.*
- *Untuk mengatur, mengawal dan menyelaras pemajuan, penggunaan dan pemuliharaan tanah melalui pelaksanaan berkesan Akta Perancangan Bandar dan Desa dan akta-akta berkaitan.*
- *Untuk menggubal dan melaksana kaedah, dasar, pelan dan garis panduan perancangan serta memastikan pemakaian yang berkesan oleh semua agensi di peringkat perancangan.*
- *Untuk memastikan pekhidmatan perancangan bandar dan sistem maklumat yang berkualiti bagi keperluan perancangan jangka panjang.*

## MIsi

Selaras dengan itu, **Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang** menekankan kepada pencapaian 'Misi' dan 'Visi' seperti berikut:

Menjadikan Jabatan Perancang Bandar dan Desa sebagai agensi peneraju dalam **Mempromosikan Kecemerlangan Perkhidmatan Perancang Bandar dan Desa** di Malaysia.

## Visi

**Mewujudkan Persekitaran Kehidupan Manusia Yang Berkualiti dan Mampan** Selaras Dengan Ciri-ciri Sosio-Budaya Masyarakat Tempatan Malaysia.

Ke Arah itu, JPBD Pulau Pinang turut memartabatkan **Dasar Kualiti** berikut :

**Menjadikan Jabatan Sebagai Pusat Bagi Perkhidmatan Perancangan Bandar Dan Desa Yang CEMERLANG, GEMILANG DAN TERBILANG.**

## Moto

***"TRANSFORMASI PERANCANGAN KE ARAH KEMAMPANAN"***



## Piagam Pelanggan

**PEWUJUDAN PERSEKITARAN YANG BERKUALITI DAN SEJAHTERA DI NEGERI-NEGERI MELALUI PERKHIDMATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA YANG BERKUALITI, SEJAHTERA DAN MAMPAN MENJELANG 2020**

DENGAN ITU KAMI BERJANJI UNTUK

MENGURUSETIAKAN MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI
Empat (4) Kali Setahun

MEMBERI ULASAN PERANCANGAN BAGI PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG
Tidak Melebihi Empat Belas (14) Hari
NOTA : Negeri Pulau Pinang Tidak Mempunyai RT Yang Diwartakan. Oleh Itu Proses KM Melibatkan Penyerahan Notis Lot Berjiran {(Peruntukan Seksyen 21 (6) Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172)}

MEWARTAKAN RANCANGAN STRUKTUR NEGERI (RSN), RANCANGAN TEMPATAN (RT) DAN RANCANGAN KAWASAN KHAS (RKK)
Dalam Tempoh 6 Bulan Selepas Kelulusan Pihak Berkuasa Negeri

MEMASTIKAN RANCANGAN STRUKTUR NEGERI (RSN) DIKAJI SEMULA
Dalam Tempoh Lima (5) Tahun Selepas Pewartaan

MENYELARAS PENYEDIAAN RT DAN RKK SERTA MEMANTAU PELAKSANAANNYA
Berdasarkan Program Rancangan Malaysia Lima (5) Tahun

MENYEDIA/MENYELARAS PELAN PROJEK KHAS
Dalam Tempoh Enam Puluh (60) Hari

MENGADAKAN MESYUARAT DENGAN KETUA UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)
Dua (2) Kali Setahun

MENYAMPAIKAN KEPUTUSAN BERTULIS LEMBAGA RAYUAN KEPADA PERAYU DAN RESPONDEN
Dalam Tempoh Sepuluh (10) Hari Dari Tarikh Keputusan Diterima Daripada Pengerusi Lembaga Rayuan

MEMBEKAL MAKLUMAT PERANCANGAN (KATEGORI TIDAK TERPERINGKAT)
Dalam Tempoh Lima (5) Hari

MEMBERI LAYANAN KAUNTER DENGAN BERBUDI BAHASA
Dalam Tempoh Lima (5) Minit

# Pelan Strategik

## Pelan Strategik JPBD Pulau Pinang

*(Hala Tuju JPBD Pulau Pinang Menjelang Tahun 2020)*

Pelan Strategik JPBD Pulau Pinang 2012-2020 adalah menerapkan sepenuhnya Pelan Strategik JPBD Semenanjung Malaysia. Pelan Strategik ini memberi arah tuju JPBD yang jelas dalam merealisasikan visinya untuk *'Menjadi Peneraju Perancangan Bandar dan Desa Ke Arah Mewujudkan Persekitaran Kehidupan Yang Berkualiti, Sejahtera dan Mampan Menjelang 2020'*

Dokumen yang dirangka untuk tempoh lapan (8) tahun ini menetapkan suatu anjakan peranan JPBD dalam meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatannya selaras dengan dasar transformasi Kerajaan. Ini memerlukan perkhidmatan yang lebih kreatif dan inovatif bagi menambah baik dan memurnikan sistem penyampaian Kerajaan bagi memenuhi aspirasi dan harapan pihak berkepentingan dan pelanggan yang sentiasa meningkat serta mahukan pembaharuan. Peranan dan tanggungjawab ini perlu diterjemah ke dalam satu bentuk perancangan yang strategik, berdaya laksana dan mampu memenuhi keperluan golongan sasaran.

Suatu sistem perancangan dan pengurusan yang mantap memerlukan satu sinergi baru bagi menangani isu-isu, cabaran-cabaran dan mengambil peluang-peluang serta mengeksploitasi potensi-potensi yang terserlah dalam mencapai hasrat JPBD. Situasi ini juga menuntut komitmen JPBD untuk memperkasa keupayaannya selari dengan proses pemodenan dan transformasi perkhidmatan agar lebih mudah, pantas dan berkesan serta mempunyai *value for money*.

## Teras Strategik Jabatan JPBD Semenanjung Malaysia

Bagi memastikan pencapaian Visi dan Misi JPBDSM, enam (6) Teras Strategik dan 21 Strategi mengikut Bidang Keberhasilan Utama (KRA) akan diberikan penumpuan dalam tempoh Pelan Strategik Jabatan iaitu : -

**Teras Strategik 1** — *Mempertingkatkan keberkesanan perancangan dan pengurusan pembangunan guna tanah ke arah kesejahteraan komuniti.*

**Teras Strategik 2** — *Memantapkan penyelidikan dan pembangunan bagi mempromosi amalan perancangan terbaik ke arah produk bertaraf dunia.*

**Teras Strategik 3** — *Mempertingkatkan pematuhan kepada perancangan pembangunan untuk memastikan persekitaran kehidupan yang berkualiti dan mampan.*

**Teras Strategik 4** — *Memperkasakan pengurusan maklumat guna tanah negara ke arah perancangan guna tanah yang berkesan dan sistematik.*

**Teras Strategik 5** — *Mempertingkatkan kerjasama strategik bagi memperkasakan peranan dan fungsi JPBDSM*

**Teras Strategik 6** — *Memantapkan pembangunan kapasiti organisasi ke arah melonjakkan kecekapan dan keberkesanan JPBDSM*

# Budaya Kerja




## Nilai -nilai Bersama Dan Teras

# Nilai-nilai Teras

Warga JPBD menghayati dan mengamalkan nilai-nilai teras perkhidmatan awam iaitu :-



**BIJAKSANA**

Setiap tugas dan tanggungjawab perlu dilaksanakan secara bijaksana berpandukan ilmu, kemahiran dan tahap profesionalisme yang tinggi.

**TELUS**

Setiap tindakan dan keputusan hendaklah dibuat melalui proses yang telus dan maklumatnya perlu dihebahkan kepada pihak yang berhak selagi ia tidak bercanggah dengan undang-undang dan peraturan.

**BERSYUKUR**

Menunjukkan sikap berterima kasih dan menghargai kejayaan, pencapaian dan anugerah yang diperoleh serta menunjukkan kepuasan terhadap nikmat yang diterima.

**BENAR**

Setiap amalan, tindakan dan perilaku hendaklah berasaskan kebenaran, undang-undang dan peraturan.

**AMANAH**

Setiap tugas hendaklah disempurnakan dengan penuh tanggungjawab dan ikhlas.

**ADIL**

Membuat pertimbangan yang saksama dan sama rata dalam setiap tindakan dan keputusan berasaskan undang - undang, peraturan, keutamaan serta fakta yang lengkap dan tepat.

## Dasar Kerajaan Negeri Pulau Pinang

### Dasar Berjiwa Rakyat

Bagi memastikan Negeri Pulau Pinang terus maju dan membangun selaras dengan *tagline* kerajaan "Cekap, Akauntabiliti dan Telus" serta mengamalkan dasar utama iaitu **"Kerajaan Berjiwa Rakyat"**. Melalui dasar utama ini, ianyanya memperkenalkan misi 3P iaitu -





- **Perkasakan rakyat** dengan kepakaran, ilmu pengetahuan dan pendidikan serta menyediakan peluang yang saksama kepada semua lapisan masyarakat bagi menjana kemakmuran rakyat ;
- **Perkuasakan rakyat** dengan hak-hak asasi, kebebasan asas dan kebertanggungjawaban serta menghormati kedaulatan undang-undang ;
- **Perkayakan rakyat** dengan berkongsikan kekayaan dan hasil ekonomi demi mencapai keadilan sosioekonomi.



Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah polisi pentadbiran yang Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT), telah berusaha bagi memastikan rakyat Pulau Pinang diberi kebebasan untuk mengakses maklumat melalui saluran yang betul dan tepat. Selaras dengan tujuan tersebut, maka Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2010 [Enakmen 16] telah diwartakan pada 2 Februari 2012 dan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2015. Dua (2) undang-undang subsidiari berkaitan Enakmen yang telah disediakan adalah berkaitan :

**PERATURAN-PERATURAN KEBEBASAN MAKLUMAT PULAU PINANG (AKSES KEPADA MAKLUMAT) 2014; DAN**

**KAEDAH-KAEDAH LEMBAGA RAYUAN KEBEBASAN MAKLUMAT PULAU PINANG 2014.**

Melalui dasar ini, orang awam boleh mengakses maklumat daripada jabatan-jabatan negeri melalui permohonan rasmi. Walau bagaimanapun, akses kepada sebarang maklumat adalah tertakluk kepada undang-undang bertulis masing-masing dalam sub-peraturan 3(1), 4(2) dan 5(2) di bwah Enakmen 16.

Bagaimanapun akses yang dibenarkan ini tidak termasuk Maklumat-maklumat Yang Dikecualikan dalam seksyen 11, di bawah Enakmen 16. Antaranya yang tidak dibenarkan adalah maklumat peribadi, dokumen / keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, maklumat dalam prosiding mahkamah, pendedahan maklumat yang akan menjadi penghinaan Dewan Undangan Negeri, maklumat kategori sulit, kepentingan ekonomi Negeri, kesihatan dan keselamatan, penguatkuasaan dan pentadbiran undang-undang dan pelanggaran hak cipta.

# 3

# STRUKTUR FUNGSI

## PERKHIDMATAN JPBD DAN FUNGSI



*"Bagi memastikan perancangan kegunaan, pembangunan dan pemeliharaan tanah yang sempurna, JPBD Semenanjung Malaysia memainkan peranan melalui fungsi-fungsinya di tiga (3) peringkat kerajaan iaitu persekutuan, negeri dan tempatan"*

### Fungsi JPBD Pulau Pinang

- *Urusetia kepada Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN).*
- *Melaksanakan tugas Sebagai Pendaftar Lembaga Rayuan.*
- *Membantu dalam menggubal dan menyelaras perlaksanaan dasar-dasar perancangan.*
- *Membantu dalam memberi khidmat nasihat perancangan kepada Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.*
- *Memastikan kelicinan dan keberkesanan pemakaian Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)*
- *Membantu dalam perjalanan mesyuarat-mesyuarat utama Negeri.*
- *Meningkatkan tahap kecekapan, kepakaran, kemahiran dan kreativiti kepada semua lapisan pegawai melalui program latihan sekurang-kurangnya 7 hari dalam setahun.*

# Hierarki Perkhidmatan

## Peringkat Negara



Memberi nasihat kepada Kerajaan Persekutuan dalam semua hal Perancangan Bandar dan Desa ;

Bertindak sebagai urus setia kepada Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) yang ditubuhkan di bawah Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) ;

Menggalakkan sistem perancangan yang komprehensif, efektif dan efisien melalui undang-undang. Prosedur perancangan serta kajian penyelidikan dan pembangunan ;

Menterjemahkan dasar-dasar sosial, ekonomi dan alam sekitar negara ke dalam dimensi spatial ;

Memudahcara dan memantau penyediaan dan pelaksanaan rancangan pembangunan di semua peringkat pelaksanaan ;

Mengendalikan, membantu dan menggalakkan pengumpulan, pengemaskinian dan penerbitan statistik, buletin, monograf dan penerbitan lain yang berkaitan Perancangan Bandar dan Desa serta kaedahnya ; dan

Menyelia dan menyelaras pangkalan data guna tanah negara.

## Peringkat Negeri

Memberi nasihat kepada Kerajaan Negeri dalam semua hal-ehwal Perancangan Bandar dan Desa dalam menyelaras pelaksanaan Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) di peringkat Negeri ;

Bertindak sebagai urus setia kepada Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) yang ditubuhkan di bawah Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) ;

Memudahcara dan memantau pembangunan dalam Negeri melalui pelaksanaan dan kawal selia rancangan-rancangan pembangunan ;

Membantu dalam perancangan projek-projek khas yang dikendalikan Kerajaan Negeri;

Menjalankan kajian penyelidikan dan pembangunan mengenai perancangan bandar dan desa ;

Mengendalikan, membantu dan menggalakkan pengumpulan, pengemaskinian dan penerbitan statistik, buletin, monograf dan penerbitan lain yang berkaitan dengan perancangan bandar dan desa serta kaedahnya ; dan

Menyedia dan menyelaras pangkalan data guna tanah Negeri.

Mengendalikan, membantu dan menggalakkan pengumpulan, pengemaskinian dan penerbitan statistik, buletin, monograf dan penerbitan lain yang berkaitan dengan perancangan bandar dan desa serta kaedahnya ; dan

Menyedia dan menyelaras pangkalan data guna tanah Negeri.




## Peringkat Tempatan



Merancang, menyelaras dan mengawal penggunaan dan pemajuan tanah dan bangunan dalam kawasan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) ;

Memudahcara dan memantau pembangunan dalam kawasan PBPT melalui pelaksanaan dan kawal selia rancangan-rancangan pembangunan ;

Mengendalikan, membantu dan menggalakkan pengumpulan, pengemaskinian dan penerbitan statistik, buletin, monograf dan penerbitan lain yang berkaitan dengan Perancangan Bandar dan Desa serta kaedahnya ; dan

Melaksanakan tugas-tugas lain yang dipertanggungjawabkan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) atau Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) dari masa ke semasa.

# Struktur Organisasi Jabatan

## Fungsi **Bahagian Khidmat Pengurusan**

- Penerimaan Surat • Keselamatan Pejabat • Perolehan Alat Kelengkapan & Bekalan Pejabat • Pembayaran & Penerimaan Hasil
- Pengisian Jawatan & Perlantikan Baru • Pengesahan Dalam Perkhidmatan & Pemberian Taraf Berpencen • Pertukaran Masuk & Pertukaran Keluar • Permohonan Cuti • Penyeliaan Sistem HRMIS • Perkhidmatan Kesetiausahaan
- Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan & Akaun Jabatan • Anggaran Belanjawan Mengurus • Perkhidmatan Kewangan

## Fungsi **Bahagian Korporat Dan Lembaga Rayuan**

- Mengurusetiakan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri • Mengurusetiakan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Perancang Negeri • Mengurusetiakan Mesyuarat Jawatankuasa MMK Perancang Bandar.
- Menjadi Pendaftar Kes-Kes Lembaga Rayuan Negeri Pulau Pinang dan menguruskan Persidangan Lembaga Rayuan Negeri Pulau Pinang (3-6 hari sebulan).
- Bahagian Sebaran Dasar / Garis Panduan / Penerbitan / Negeri & Persekutuan • Menjalankan tugas-tugas Korporat Jabatan seperti - ISO - Piagam Pelanggan - Star Rating - Manual Prosedur Kerja (MPK) - Maklumbalas Kepuasan Pelangggan Luar dan Dalam - KPI • Pengurusan Latihan Kakitangan & Latihan Pratikal
- Urusetia Penerbitan Jabatan - Laporan Tahunan - Buletin Rancang - Buletin Lembaga Rayuan

## Fungsi **Bahagian Kawalan Pembangunan Dan Bank Data ICT**

Memproses Permohonan Kebenaran Merancang • Memproses Permohonan Tanah • Memproses Permohonan Pecah Sempadan Dan Penyatuan Tanah • Memproses Permohonan Pengambilan Balik Tanah • Memproses Ulasan Laporan EIA & Geoteknikal • Memproses Permohonan Perlingkungan Semula • Memproses Permohonan Papan Iklan • Memproses Permohonan Kebenaran Merancang Di Bawah Seksyen 5(2) • Memproses Permohonan Pelan Bangunan Di Bawah Seksyen 5(2) • Memproses Permohonan Rundingan Projek JKR Di Bawah Seksyen 20A

Membekalkan Maklumat Perancangan Secara Bertulis • Perundangan dan Penguatkuasaan Petugas Khidmat Kaunter • Urusetia Jawatankuasa Kebenaran Merancang Dan Pelan Bangunan Di Bawah Seksyen 5(2)

Pembangunan ICT Jabatan • Pembangunan & Perolehan Data Geospatial ( Vektor & Raster) dan Pangkalan Data • Pembekalan data / maklumat antara jabatan, agensi dan individu terlibat • Pembangunan / Pengurusan Aplikasi JPBD Geoportal • Pengerusi dan Urusetia Pasukan Kerja MyGDI Negeri Pulau Pinang • Pengerusi dan Urusetia JKPPD Negeri Pulau Pinang serta Pengurusan dan Pemantauan Data (PPD) Peringkat Negeri Pulau Pinang • Menyelaras latihan-latihan melibatkan perisian untuk kegunaan jabatan • Memantau dan menyelenggara Laman Web Jabatan • Memantau dan mengemaskini JPBD Geoportal

AJK ICT Strategik Plan (ISP) peringkat negeri & JPBDSM serta pemantauan perlaksanaan ISP • Perlaksanaan & Maklumbalas semua keputusan Mesyuarat Jawatankuasa eGG yang berkaitan Jabatan • Perlaksanaan & Pengurusan terhadap semua aplikasi peringkat negeri & nasional yang dipertangungjawab seperti aplikasi iDOf, email, eTanah, SISIP, ICS, ePlanning • Perolehan & Penyelengaraan Peralatan ICT Jabatan • Menerima dan mengambil tindakan di atas arahan Pengarah JPBDPP dari semasa ke semasa

## Fungsi **Bahagian Rancangan Pembangunan Dan Projek Khas**

Menyediakan Rancangan Struktur Negeri • Menyediakan Rancangan Tempatan Bagi Kawasan Di Luar Pihak Berkuasa Tempatan • Menyelaras Penyediaan Rancangan Tempatan Bagi Semua Pihak Berkuasa Tempatan • Menyediakan Rancangan Kawasan Khas (RKK) • Menyediakan Kajian Khas Yang Diarahkan Oleh Pihak Berkuasa Negeri • Menyelaras Dan Memantau Pelaksanaan Program Bandar Selamat • Melaksanakan Jaringan Petunjuk Bandar Dan Luar Bandar Malaysia (MURNInets)

Mengurusetia Jawatankuasa Landskap Negeri Dan RIBI

Memberi Khidmat Nasihat Perancangan Program Penswastaan Negeri, Infrasruktur Dan Utiliti

# Carta Organisasi

Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Pulau Pinang



## UNIT KAWALAN PERANCANGAN

- SRI RANJINI A/P AWALI — PEN. PEG. PERANCANG — JA29
- NURUL AKMAL HAFIZ BIN NURUDDIN — PEN. PEG. PERANCANG — JA29
- KHAIRIZAL RISSHA BIN ISMAIL — PEN. PEG. PERANCANG — JA29
- SHARMIZA BINTI MOHD SHABIDI — PEN. PEG. PERANCANG — JA29
- FAIROS BINTI BAHARUM — PELUKIS PELAN — JA17
- ROHIM BIN SAMSUDIN, PJM — PEN. PEG. PERANCANG — JA29
- MOHD ZAKI BIN MOHD NOR — PEN. PEG. PERANCANG — JA29
- NORRAZI BIN ISMAIL — PEN. PEG. PERANCANG — JA29
- AZWARI BIN ISMAIL — PELUKIS PELAN — JA17

## UNIT MAKLUMAT GUNATANAH NEGERI & ICT

- MOHD SOBRI BIN MOHD NOR — PEN. PEG. PERANCANG — JA29
- MOHD FARIS BIN AHMAD NAHAR — PEN. PEG. PERANCANG — JA29
- SYAZIRAH BINTI NASIR — PEN. PEG. PERANCANG — JA29
- NOR LATIFAH BINTI ZAINUDDIN — PELUKIS PELAN — JA17
- ANUAR BIN RAWI, PJM — PEN. PEG. PERANCANG — JA29
- FARID BIN HASHIM — PEN. PEG. PERANCANG — JA29
- NURHIDAYAH BINTI CHE ZAINOL — PEN. PEG. PERANCANG — JA29
- ARMILIA BINTI OMAR — PELUKIS PELAN — JA17

## UNIT KORPORAT

- ARIFFIN BIN AWANG — PEN. PEG. PERANCANG — JA29
- NOR AMALINA BINTI AUZIR — PEN. PEG. PERANCANG — JA29
- MUHAMMAD ROSLAN BIN MD SIDEK — PEN. PEG. PERANCANG — JA29
- MUHAMMAD NAJMI BIN SALIM — PEN. PEG. PERANCANG — JA29
- NUR AKLILI RIANA BINTI ROZALI — PELUKIS PELAN — JA17

## UNIT LEMBAGA RAYUAN

- FIFI HIDAYAH BINTI ALWI — PEN. PEG. PERANCANG — JA29
- ISMIT BIN YUSOF, PJM — PELUKIS PELAN — JA22 (KUP)

## UNIT RANCANGAN PEMBANGUNAN

- LOH YOON SANG, PJM — PEN. PEG. PERANCANG — JA29
- SHUKOR BIN MOHD ALI — PEN. PEG. PERANCANG — JA29
- MARFUZAH BINTI ABDUL KADIR — PEN. PEG. PERANCANG — JA29

## UNIT PROJEK KHAS

- MUHAMMAD SAUFEE BIN MOHAMMAD SAAD — PEN. PEG. PERANCANG — JA29
- MD ZUHRIAMRI BIN MD ZAMRI — PEN. PEG. PERANCANG — JA29

---

- HASRAF BIN SHEIKH HUSSIN — PEM. TADBIR PERSURATAN — N17
- SITI NORHIDAYAH BINTI ILYAS — PEM. TADBIR PERSURATAN — N17
- SAHRIZAL BIN JAMALUDIN — PEMBANTU AM RENDAH — N11
- MD SHUKRI BIN A. HAMID — PEMBANTU AM RENDAH — N11
- RAZAK BIN AHMAT — PEMANDU KENDERAAN BERMOTOR — H11

## Perjawatan

JPBD Negeri Pulau Pinang mempunyai sebanyak 64 perjawatan selaras dengan kelulusan JPA. Daripada jumlah ini, hanya 58 jawatan telah diisi manakala 6 jawatan masih kosong iaitu jawatan Timbalan Pengarah Gred J48 dan empat (5) jawatan Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred JA29.

Perjawatan sehingga akhir tahun 2014 adalah seperti berikut:

<table>
<tr><th>Skim Perkhidmatan</th><th>Gred</th><th>Kelulusan Perjawatan JPA</th><th>Pengisian</th><th>Kekosongan</th></tr>
<tr><td colspan="5">PENGURUSAN & PROFESIONAL (Pegawai Perancang Bandar Dan Desa)</td></tr>
<tr><td>Pengarah</td><td>JUSA C</td><td>1</td><td>1</td><td>0</td></tr>
<tr><td>Timbalan Pengarah</td><td>J48</td><td>2</td><td>1</td><td>1</td></tr>
<tr><td>Ketua Penolong Pengarah</td><td>J44</td><td>1</td><td>1</td><td>0</td></tr>
<tr><td>Penolong Pengarah</td><td>J41</td><td>5</td><td>5</td><td>0</td></tr>
<tr><td colspan="5">KUMPULAN SOKONGAN</td></tr>
<tr><td>Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa Kanan</td><td>JA36</td><td>2</td><td>2</td><td>0</td></tr>
<tr><td>Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa Kanan (KUP)</td><td>JA36<br>KUP</td><td rowspan="2">38</td><td>2</td><td rowspan="2">5</td></tr>
<tr><td>Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa</td><td>JA29</td><td>31</td></tr>
<tr><td>Pelukis Pelan</td><td>J17</td><td>6</td><td>6</td><td>0</td></tr>
<tr><td colspan="5">KEWANGAN</td></tr>
<tr><td>Pembantu Tadbir (Kewangan)</td><td>W17</td><td>1</td><td>1</td><td>0</td></tr>
<tr><td colspan="5">PENTADBIRAN & SOKONGAN</td></tr>
<tr><td>Setiausaha Pejabat</td><td>N27</td><td>1</td><td>1</td><td>0</td></tr>
<tr><td>Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)</td><td>N22</td><td>1</td><td>1</td><td>0</td></tr>
<tr><td>Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)</td><td>N17</td><td>3</td><td>3</td><td>0</td></tr>
<tr><td>Pembantu Operasi</td><td>N11</td><td>2</td><td>2</td><td>0</td></tr>
<tr><td>Pemandu Kenderaan</td><td>H11</td><td>1</td><td>1</td><td>0</td></tr>
</table>

Selaras dengan kelulusan penyelarasan perjawatan daripada Juruteknik (Perancang Bandar (J17)) kepada Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa (J29) pada Julai 2014, JPBD Pulau Pinang kini mempunyai 31 pengisian jawatan JA29.



KAKITANGAN JPBD PULAU PINANG BERGAMBAR KENANGAN BERSAMA
KETUA PENGARAH YBHG. DATO' DR. DOLBANI BIN MIJAN

"Dengan Komitmen Kakitangan Yang Sentiasa Mendukung Semangat Kerja Berpasukan Telah Membawa Kejayaan Yang Dicapai Seiring Dengan Usaha Meningkatkan Dan Memantapkan Pengurusan Organisasi Jabatan."



Disampaikan Oleh :
**YAB Datuk Seri Idris Haron**
Ketua Menteri Melakaa

Kepada :
**Dato' Haji Anuar Bin Maidin**
Pengarah Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Pulau Pinang

# 4 PENGURUSAN KEWANGAN DAN SUMBER MANUSIA

# Pretasi Kewangan

## Peruntukkan

Pada tahun 2015, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperuntukkan sebanyak **RM 4,329,110.00** kepada jabatan. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM **3,162,610.00** atau 74% diperuntukkan untuk penggajian dan emolumen, seterusnya **RM 252,380.00** atau 7% diperuntukkan untuk pentadbiran manakala **RM 914,120.00** atau 19% telah diperuntukkan untuk teknikal.

## Perbelanjaan

| | | |
|---|---|---|
| **Penggajian & Emolumen** | Penggajian | 2,305,590.00 |
| | Lain-Lain | 857,020.00 |
| | **Jumlah** | **3,162,610.00** |
| **Pentadbiran** | Pelbagai Jenis Sewaan | 171,360.00 |
| | Petrol, Alat Ganti | 16,020.00 |
| | Bekalan Pejabat | 65,000.00 |
| | **Jumlah** | **252,380.00** |
| **Teknikal** | Penyelenggaraan | 52,000.00 |
| | Harta Modal | 36,110.00 |
| | Lain-Lain | 826,010.00 |
| | **Jumlah** | **914,120.00** |
| | **Jumlah Perbelanjaan (RM)** | **4,329,110.00** |




*Jumlah Peruntukan JPBD Pulau Pinang Bagi Tahun 2015*




*Peratusan Perbelanjaan JPBD Pulau Pinang Bagi Tahun 2015*

# Pengurusan Sumber Manusia

Pada tahun 2015 Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Pulau Pinang mempunyai 58 orang kakitangan yang terdiri daripada kumpulan Pengurusan Dan Profesional, Sokongan dan Khidmat Pengurusan Dan Kewangan






*Bilangan Kakitangan JPBD Pulau Pinang Bagi Tahun 2015*

# Pengurusan Latihan Dan Peperiksaan

## Latihan Kakitangan

Jabatan telah menyediakan pelan operasi bagi memastikan pencapaian tempoh berkursus tujuh (7) hari bagi setiap lapisan kakitangan. Daripada Januari 2015 sehingga akhir Disember 2015, sebanyak 103 kursus telah dilaksanakan secara dalaman dan luaran dengan kos sebanyak **RM 3,000.00.**

| Bilangan Kursus | | Kos Dibelanjakan | Bilangan Peserta Terlibat |
|---|---|---|---|
| Dalaman | 18 | RM 1,200.00 | 176 |
| Luaran | 85 | RM 1,800.00 | 216 |

## Peperiksaan

Sepanjang tahun 2015, Jabatan Perancang Bandar dan Desa Pulau Pinang telah menyelaraskan pelbagai kursus, latihan 'hands-on' dan peperiksaan bagi meningkatkan kendiri dan kualiti kakitangan di jabatan ini.

| Nama | Jenis Peperiksaan | Tarikh |
|---|---|---|
|  Puan Nazirah Binti Ahmad | Peperiksaan Bagi Memasuki Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Tadir Gred N27 (PSL) | 11 Ogos 2015 |
|  Puan Muziah Binti Hamzah | Peperiksaan Bagi Memasuki Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Tadir Gred N27 (PSL) | 12 Ogos 2015 |



## Jumlah Kehadiran Kursus/ Latihan Peserta Secara Keseluruhan Mengikut Kategori Bagi Tahun 2015



## Pertukaran Masuk



**Dari**
**Jabatan Perancangan Bandar & Desa Terengganu**

Ke Jabatan Perancangan Bandar & Desa Pulau Pinang
**27 April 2015**

**Haji Mohd Anuar Bin Maidin**
Pengarah
Pegawai Perancang Bandar Dan Desa
Gred J54

*Kenaikan Pangkat Ke JUSA C*

Masuk



**Dari**
**Pejabat Projek Zon Utara, Jabatan Perancangan Bandar & Desa S. Malaysia**

Ke Jabatan Perancangan Bandar & Desa Pulau Pinang
**15 Januari 2015**

**Encik Hamasrull Bin Hassan**
Penolong
Pegawai Perancang Bandar Dan Desa
Gred J41

Masuk

## Pertukaran Keluar



**Dari**
**Jabatan Perancang Bandar & Desa Pulau Pinang**

Ke Pejabat Projek Zon Timur, Jabatan Perancangan Bandar & Desa S. Malaysia
**6 Mei 2015**

**Encik Mohd Munizam Bin Abd Aziz**
Timbalan Pengarah
Perancang Bandar Dan Desa
Gred J48

*Kenaikan Pangkat Ke Gred J52*

Keluar



**Dari**
**Jabatan Perancang Bandar & Desa Pulau Pinang**

Ke Jabatan Kerajaan Tempatan, OSC, Majlis Perbandaran Sungai Petani
**15 Januari 2015**

**Miss Neoh Siew Yin**
Penolong
Pegawai Perancang Bandar Dan Desa
Gred J41

Keluar

## Pertukaran Masuk



**Dari**
**Jabatan Kerajaan Tempatan, OSC**
**Majlis Bandaraya Pulau Pinang**

Ke Jabatan Perancang Bandar & Desa Pulau Pinang
**15 Januari 2015**

**Puan Norsuariana Binti Suliman**
Penolong Pengarah
Perancang Bandar Dan Desa
Gred J41

Masuk



**Dari**
**Jabatan Perancang Bandar & Desa**
**Pulau Pinang**

Ke Jabatan Pertanian Pulau Pinang
**15 Oktober 2015**

**Puan Siti Hajar Binti Jamaludin**
Pembantu Tadbir (P/O)
Gred N22

Masuk

## Pertukaran Keluar



**Dari**
**Jabatan Perancang Bandar & Desa**
**Pulau Pinang**

Ke Jabatan Kerajaan Tempatan, OSC, Majlis Bandaraya Pulau Pinang
**15 Januari 2015**

**Cik Nazrina Binti Mohd Haniffa**
Penolong Pengarah
Perancang Bandar Dan Desa
Gred J41

Keluar



**Dari**
**Pejabat Daerah Dan Tanah**
**Seberang Perai Selatan**

Ke Jabatan Perancangan Bandar & Desa Pulau Pinang
**15 Oktober 2015**

**Puan Nor Azilah Binti Zakaria**
Pembantu Tadbir (P/O)
Gred N22

Keluar

# Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2015

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun 2015 telah diadakan pada 4 Mei 2016 bertempat di Auditorium C, Tingkat 5, KOMTAR, Pulau Pinang. Penyampaian Anugerah APC disampaikan oleh YBhg. Dato' Dolbani Bin Mijan, Ketua Pengarah Perancangan Bandar & Desa Semenanjung Malaysia. Penganugerahan diberikan bagi menghargai dan mengikhtiraf kakitangan di atas perkhidmatan yang cemerlang sepanjang tahun 2015. Seramai lima (5) orang kakitangan telah menerima penganugerah tersebut.

**Encik Khaizal Bin Maa'rip**

Timbalan Pengarah Perancang Bandar Dan Desa Pulau Pinang
Gred J48

Bahagian Kawalan Perancangan & Maklumat Guna Tanah Negeri



**Encik Ariffin Bin Awang**

Penolong Pegawai Perancang Bandar Dan Desa Pulau Pinang
Gred JA29

Bahagian Korporat & Lembaga Rayuan



**Encik Norrazi Bin Ismail**

Penolong Pegawai Perancang Bandar Dan Desa Pulau Pinang
Gred JA29

Bahagian Kawalan Perancangan & Maklumat Guna Tanah



## Anugerah Khas Pengarah

### Pegawai Paling Sihat



**Encik Ghazali Bin Abdul Rasit**
*Penolong Pegawai Perancang Dan Desa Pulau Pinang*
*Gred JA29*



**Puan Nor Amalina Binti Auzir**
Penolong Pegawai Perancang Bandar Dan Desa Pulau Pinang
Gred JA29
Bahagian Korporat & Lembaga Rayuan

### Pegawai Punch Card Terbaik



**Encik Ismit Bin Yusof**
*Pelukis Pelan Perancang Bandar Dan Desa Pulau Pinang*
*Gred JA22 (KUP)*



**Puan Nor Latifah Binti Zainudin**
Pelukis Pelan Perancang Bandar Dan Desa Pulau Pinang
Gred JA19
Bahagian Kawalan Perancangan & Maklumat Guna Tanah

### Pegawai Personaliti Terbaik



**Puan Azhani Binti Md Shaid**
*Penolong Pegawai Perancang Dan Desa Pulau Pinang*
*Gred JA29*



**Encik Md. Shukri Bin A.Hamid**
Pembantu Am Rendah
Gred N11
Bahagian Khidmat Pengurusan

# Anugerah Khas Kebesaran Negeri

Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormat Negeri Pulau Pinang telah diadakan pada 5 September 2015. Sempena Harijadi Tuan Yang Terutama(T.Y.T) Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang Tun Dato' Seri Utama Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas ke 77 tahun 2015. Seramai tiga (3) orang kakitangan JPBD termasuk Mantan Pengarah telah berjaya menerima penganugerahan tersebut.

## Dato' Haji Zainuddin Bin Ahmad
*Timbalan Ketua Pengarah Perancangan (Gred Utama B)*

Sebuah penganugerahan kepada orang perseorangan yang menyumbang perkhidmatan yang istimewa serta mempunyai kedudukan yang tinggi

**Darjah Setia Pangkuan Negeri (D.S.P.N)**



## Puan Asmaliza Binti Shaidan
*Penolong Pengarah Gred J41*

Sebuah penganugerahan dikurniakan kepada individu-individu yang telah memberi khidmat bakti yang bernilai atau berjasa atau telah berkhidmat dengan penuh tanggungjawab

**Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K)**



## Puan Norsuriana Binti Suliman
*Penolong Pengarah Gred J41*

Sebuah penganugerahan dikurniakan kepada individu-individu yang telah memberi khidmat bakti yang bernilai atau berjasa atau telah berkhidmat dengan penuh tanggungjawab

**Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K)**





"Peluang yang besar itu datang secara **tiba-tiba**..
datang **tidak menentu masa**..
datang disaat kita **kesempitan** atau **kesusahan**.

Nilailah peluang itu dengan secara **bijaksana**.

Rebutlah peluang yang besar itu,
kerana peluang yang besar itu **boleh berlalu** dengan
tiba-tiba.

Jangan jadikan **1000 alasan** untuk tidak merebut peluang
yang besar itu"

*~ Almarhum Prof. Dr. Hamka~*

# 5 PENCAPAIAN JABATAN



"Sebagai
penasihat kepada Kerajaan Negeri,
JPBD Pulau Pinang secara tidak langsung
memainkan peranan penting berkaitan
perancangan dan pembangunan
menerusi pengurusetiaan
Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN),
Jawatankuasa Teknikal (JPN),
Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK)
Di samping itu,
jabatan juga dipertanggungjawabkan
mengendalikan beberapa kajian
perancangan projek khas"

# PERANCANGAN KORPORAT JABATAN

## Keurusetiaan Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN)

JPN di Pulau Pinang dilaksanakan sekali dalam setiap bulan. Walau bagaimanapun, sehingga Disember 2015 JPBD Pulau Pinang telah berjaya mengurus dan melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Pulau Pinang (JPN) sebanyak 15 kali termasuk dua (2) kali Mesyuarat Khas.



**Ahli Tetap JPN** • Y.A.B. Ketua Menteri • Y.B. Timbalan Ketua Menteri 1 *(Pengerusi J/K MMK Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Koperasi & Perhubungan Masyarakat dan Pembangunan Keusahawanan)* • Y.B. Timbalan Ketua Menteri 2 *(Pengerusi J/K MMK Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan & Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi)* • Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri • Y.B. Pengerusi J/K MMK Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir • Y.B. Pengerusi J/K MMK Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan • Y.B. Penasihat Undang-undang Negeri • Y.B. Pegawai Kewangan Negeri • Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri • Pengarah Tanah dan Galian Negeri • Pengarah Kerja Raya Negeri • Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran • Pengarah Pertanian Negeri • Pengarah Kemajuan Negeri • Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri • Datuk Bandar MBPP • Yang DiPertua MPSP • Pengarah JPBD ( Setiausaha ) •









*Sekitar perjalanan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri yang diurusetiakan oleh Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Pulau Pinang*



**Ahli Jemputan JPN** • Y.B. Pengerusi J/K MMK Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna • Y.B. Pengerusi J/K MMK Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti dan Kesenian • Y.B. Pengerusi J/K MMK Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air, Telekom) dan Pengangkutan (Udara, Laut & Keretapi) • Y.B. Pengerusi J/K MMK Pembangunan Pelancongan • Y.B. Pengerusi J/K MMK Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar • Y.B. Pengerusi J/K MMK Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan • Setiausaha Politik Kepada Y.A.B Ketua Menteri • Pegawai Daerah Timur Laut • Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah • Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan • Pegawai Daerah Barat Daya • Pegawai Daerah Seberang Perai Utara • Pengurus Besar, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang • Pengurus Besar Pejabat Warisan Dunia (WHO) • Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Perumahan Negeri • Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Kerajaan Tempatan • Pengarah Jabatan Perancangan Bandar, MPSP • Pengarah, Jabatan Perancangan & Pembangunan, MBPP • Pengarah, Jabatan Bangunan, MBPP • Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPP • Pengarah, Jabatan Warisan, MBPP • Pengarah, Jabatan Bangunan, MPSP • Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MPSP • Pengarah, Jabatan Taman Botani Pulau Pinang • Pengurus Besar, Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang •

## Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN)

Kertas-kertas kerja Yang dibentangkan di JPN mengikut pecahan klasifikasi dari Januari hinggan Disember 2015

| Klasifikasi | JPN BIL.1/2015 • 26 JANUARI 2016 | JPN BIL.2/2015 • 16 FEBRUARI 2016 • JPN KHAS | JPN BIL.3/2015 • 26 FEBRUARI 2016 | JPN BIL.4/2015 • 20 MAC 2016 |
|---|---|---|---|---|
| Rancangan Pemajuan (RKK/RSN/RT) | 2 | 1 | 0 | 0 |
| Kes-kes Perlingkungan Semula | 1 | 0 | 7 | 5 |
| Seksyen 20A | 1 | 0 | 0 | 0 |
| Kebenaran Merancang | 7 | 1 | 5 | 0 |
| Peningkatan Densiti | 3 | 0 | 0 | 1 |
| Peningkatan Nisbah Plot | 2 | 0 | 0 | 0 |
| Laporan/Dasar/Garis Panduan | 2 | 0 | 0 | 0 |
| Hal-hal Lain | 5 | 0 | 7 | 8 |
| Jumlah | 22 | 2 | 19 | 14 |

**JPN BIL.5/2015 • 20 APRIL 2016**

| Rancangan Pemajuan (RKK/RSN/RT) | Kes-kes Perlingkungan Semula | Seksyen 20A | Kebenaran Merancang | Peningkatan Densiti | Peningkatan Nisbah Plot | Laporan/Dasar/Garis Panduan | Hal-hal Lain | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 0 | 4 | 0 | 8 | 3 | 0 | 0 | 3 | 18 |

**JPN BIL.6/2015 • 29 MEI 2016**

| Rancangan Pemajuan (RKK/RSN/RT) | Kes-kes Perlingkungan Semula | Seksyen 20A | Kebenaran Merancang | Peningkatan Densiti | Peningkatan Nisbah Plot | Laporan/Dasar/Garis Panduan | Hal-hal Lain | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 0 | 7 | 0 | 6 | 0 | 0 | 0 | 5 | 18 |

**JPN BIL.7/2015 • 30 JUN 2016**

| Rancangan Pemajuan (RKK/RSN/RT) | Kes-kes Perlingkungan Semula | Seksyen 20A | Kebenaran Merancang | Peningkatan Densiti | Peningkatan Nisbah Plot | Laporan/Dasar/Garis Panduan | Hal-hal Lain | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 0 | 8 | 0 | 4 | 0 | 1 | 0 | 7 | 20 |

**JPN BIL.8/2015 • 30 JULAI 2016**

| Rancangan Pemajuan (RKK/RSN/RT) | Kes-kes Perlingkungan Semula | Seksyen 20A | Kebenaran Merancang | Peningkatan Densiti | Peningkatan Nisbah Plot | Laporan/Dasar/Garis Panduan | Hal-hal Lain | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 0 | 7 | 0 | 1 | 1 | 2 | 0 | 6 | 17 |

| Kategori | JPN BIL.9/2015 • 25 OGOS 2015 • JPN KHAS | JPN BIL.10/2015 • 28 OGOS 2015 |
|---|---|---|
| Rancangan Pemajuan (RKK/RSN/RT) | 0 | 0 |
| Kes-kes Perlingkungan Semula | 0 | 9 |
| Seksyen 20A | 0 | 0 |
| Kebenaran Merancang | 0 | 5 |
| Peningkatan Densiti | 0 | 0 |
| Peningkatan Nisbah Plot | 0 | 4 |
| Laporan/Dasar/Garis Panduan | 3 | 0 |
| Hal-hal Lain | 0 | 5 |
| | 3 | 3 |

| Kategori | JPN BIL.11/2015 • 29 SEPTEMBER 2015 | JPN BIL.12/2015 • 29 OKTOBER 2015 |
|---|---|---|
| Rancangan Pemajuan (RKK/RSN/RT) | 0 | 0 |
| Kes-kes Perlingkungan Semula | 8 | 10 |
| Seksyen 20A | 0 | 0 |
| Kebenaran Merancang | 6 | 8 |
| Peningkatan Densiti | 1 | 3 |
| Peningkatan Nisbah Plot | 0 | 0 |
| Laporan/Dasar/Garis Panduan | 0 | 0 |
| Hal-hal Lain | 4 | 5 |
| | 19 | 26 |

| Rancangan Pemajuan (RKK/RSN/RT) | Kes-kes Perlingkungan Semula | Seksyen 20A | Kebenaran Merancang | Peningkatan Densiti | Peningkatan Nisbah Plot | Laporan/Dasar/Garis Panduan | Hal-hal Lain | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 0 | 0 | 0 | 2 | 0 | 0 | 3 | 0 | 5 |

**JPN BIL.13/2015 • 12 NOVEMBER 2015 • JPN KHAS**

| Rancangan Pemajuan (RKK/RSN/RT) | Kes-kes Perlingkungan Semula | Seksyen 20A | Kebenaran Merancang | Peningkatan Densiti | Peningkatan Nisbah Plot | Laporan/Dasar/Garis Panduan | Hal-hal Lain | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 0 | 9 | 0 | 2 | 1 | 1 | 0 | 4 | 17 |

**JPN BIL.14/2015 • 26 NOVEMBER 2015**

| Rancangan Pemajuan (RKK/RSN/RT) | Kes-kes Perlingkungan Semula | Seksyen 20A | Kebenaran Merancang | Peningkatan Densiti | Peningkatan Nisbah Plot | Laporan/Dasar/Garis Panduan | Hal-hal Lain | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 0 | 10 | 0 | 5 | 0 | 0 | 0 | 2 | 17 |

**JPN BIL.15/2015 • 17 DISEMBER 2015**



## Kekerapan Mesyuarat JPN

Perbandingan Jumlah ketas kerja dan kekerapan mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri dari tahun 2011 hingga 2015. Secara purata, tren kertas kerja dan kekerapan JPN meningkat setiap tahun seperti berikut :



## Kertas-kertas Dasar Yang Diluluskan

Sepanjang tahun 2015 sebanyak 13 garis panduan telah dibentangkan dan diluluskan di peringkat Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) Pulau Pinang

### 1

No. Kertas Kerja
**K155-13/2013**
Tarikh Lulus
**15 November 2015**
Tarikh Disahkan
**19 November 2015**

Cadangan Syarat – Syarat Teknikal Minimum Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran Di Kawasan Seberang Perai.

Agensi Pelaksanaan
**Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)**

### 2

No. Kertas Kerja
**K15-1/2015**
Tarikh Lulus
**26 Januari 2015**
Tarikh Disahkan
**16 Februari 2015**

Cadangan Garis Panduan Eco-City Batu Kawan Dan Pelan Induk Batu Kawan

Agensi Pelaksanaan
**Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)**

### 3

No. Kertas Kerja
**K216-17/2014**
Tarikh Lulus
**26 Januari 2015**
Tarikh Disahkan
**16 Februari 2015**

Garis Panduan Perancangan Bagi Pembangunan "Small Office Home Office" (SOHO) Bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)

Agensi Pelaksanaan
**Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)**

### 4

No. Kertas Kerja
**K31-3/2015**
Tarikh Lulus
**26 Februari 2015**
Tarikh Disahkan
**26 Februari 2015**

Pemutihan Hotel Tanpa Lesen Di Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Pulau Pinang

Agensi Pelaksanaan
**Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)**

### 5

No. Kertas Kerja
**K42-4/2015**
Tarikh Lulus
**20 April 2015**
Tarikh Disahkan
**29 Mei 2015**

Garis Panduan Perancangan Pembinaan Stesen Minyak Di Negeri Pulau Pinang

Agensi Pelaksanaan
**Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Pulau Pinang**

### 6

No. Kertas Kerja
**K43-4/2015**
Tarikh Lulus
**29 Mei 2015**
Tarikh Disahkan
**30 Jun 2015**

Garis Panduan Perumahan Mampu Milik Di Kawasan Seberang Perai

Agensi Pelaksanaan
**Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)**

**7**

No. Kertas Kerja
**K70-6/2015**
